

## Toleransi Menurut Jalaluddin al-Rumi dan Pengaruhnya dalam Tamadun Turki Uthmaniyah

*Tolerance According to Jalaluddin al-Rumi and His Influence in Ottoman Turkish Civilization*

Manar Muhammad\*, Indriaty Ismail

*Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor*

\*Corresponding author: p114413@siswa.ukm.edu.my

---

### Article history

Received: 2023-10-24

Received in revised form: 2024-11-06

Accepted: 2024-11-07

Published online: 2025-02-28

### Abstract

Jalaluddin al-Rumi was a Sufi scholar who was born in 1207 AD when the Seljuk Sultanate was ruling Anatolia. This kingdom then developed into the Ottoman Turkish Caliphate in 1299 AD in the hands of Osman I, the son of Ertugrul Ghazi who married Halime Hatun, the daughter of the Seljuk king. This study wants to relate the influence of Jalaluddin al-Rumi who taught in Anatolia all his life to shape the culture of Turkish society. This writing uses a qualitative research methodology through the method of content analysis. The results of the study show that the culture of tolerance applied by Jalaluddin al-Rumi has played a role in preparing the Ottoman Turkish Caliphate to be tolerant with the diversity of civilizations while building a glorious Islamic civilization. The Ottomans had used the Millet system which gave a voice to the Greek Orthodox, Armenian, Bulgarian and Jewish communities sheltered under the umbrella of the Caliphate. The Ottomans also became protectors and defenders of Islam because they controlled the three holy cities of Muslims, namely Makkah, Medina and Jerusalem (Palestine), and even provided fair treatment to all Muslims who visited for the Hajj and Umrah. This study explains what was taught by Jalaluddin al-Rumi regarding tolerance that contributed to the Ottoman Islamic civilization.

*Keywords:* Jalaluddin al-Rumi, Tolerance, Turkish Civilization, Ottoman

### Abstrak

Jalaluddin al-Rumi merupakan seorang ulama sufi yang lahir pada 1207 Masihi di waktu Kesultanan Seljuk sedang memerintah Anatolia. Kajian ini ingin mengaitkan pengaruh budaya dan agama Jalaluddin al-Rumi yang mengajar di Anatolia seumur hidupnya sehingga membentuk budaya masyarakat Turki. Penulisan ini menggunakan metodologi kajian secara kualitatif melalui kaedah analisis kandungan. Hasil kajian menunjukkan bahawa budaya toleransi yang diterapkan oleh Jalaluddin al-Rumi telah berperanan mempersiapkan Khilafah Turki Uthmaniyah untuk bersikap toleransi dengan pelbagai tamadun sekaligus membina sebuah tamadun Islam yang gemilang. Uthmaniyah telah menggunakan sistem Millet yang memberikan suara kepada komuniti Greek Orthodox, Armenian, Bulgarian dan Yahudi yang bernaung di bawah payung Khilafah. Uthmaniyah turut menjadi pelindung dan pembela Islam kerana telah menguasai tiga kota suci umat Islam iaitu Makkah, Madinah dan Baitulmaqdis di Jerusalem (Palestin), malah memberikan layanan adil kepada semua umat Islam yang berkunjung bagi menunaikan haji dan umrah. Kajian ini menjelaskan apakah yang diajarkan oleh Jalaluddin al-Rumi berkaitan toleransi yang menyumbang kepada ketamadunan Islam Uthmaniyah.

*Keywords:* Jalaluddin al-Rumi, Toleransi, Tamadun Turki, Uthmaniyah

## 1.0 PENGENALAN

Khilafah Turki Uthmaniyah iaitu sebuah kerajaan Islam yang kuat di sebuah wilayah Anatolia yang terletak di Turki. Kerajaan ini muncul sejak akhir abad ke-13 dan mencapai kemuncak ketika abad ke-15 dan abad ke-16. Antara keistimewaan empayar ini ialah ketika kemuncak zaman kegemilangannya, jajahan takluknya bukan sahaja meliputi semenanjung tanah Arab, Asia Barat dan Afrika Utara, tetapi juga meliputi benua Eropah khususnya bahagian Eropah Timur yang merangkumi wilayah Balkan hingga ke Romania, Bulgaria dan Hungary (Abu Hanifah, 2020: 85-86). Kerajaan Turki Uthmaniyah berasal daripada nama pengasas kerajaan tersebut iaitu Osman (656 H/ 1258-1326 M), anak kepada Ertugrul Ghazi dan Halime Hatun (Fleifel, 2021). Masyarakat Turki sendiri memanggil kerajaan tersebut sebagai “*Osmānlı*”. Kerajaan ini dipanggil dalam bahasa Arab sebagai “*Uthmaniyah*”, manakala di Barat pula kerajaan tersebut dikenali sebagai “*Ottoman*” (Abu Hanifah, 2020: 86). Osman I atau gelaran lengkapnya iaitu 'Abū al-mulūk al-Sultān al-ghāzī Fakhr al-Dīn Qara 'Uthmān Khān al-aw-wal bin Ertugrul bin Sulaymān Shāh al-qayawi al-Turkumānī' dan beliau turut digelar sebagai '*father of kings*' (Fleifel, 2021: 1).

Pada masa yang sama, ramai golongan para sufi pada awal abad ke-12 dan 13 datang dari wilayah Asia Tengah dan Parsi yang ketika itu dikenal dengan nama Khurasan (Fahmi Rizal, 2023). Para sufi tersebut menyebarkan Islam dan tasawuf kepada penduduk Anatolia sehingga pada akhirnya ia mula menyebar luas dan semakin berkembang dengan jayanya. Mereka (para sufi) biasanya dikenal dengan nama *dede*, *baba*, *abi*, *pir*, *abdal* dan *syeikh*. Mereka menyebarkan Islam kepada para penduduk kelas bawah, seperti para petani dan masyarakat pedalaman. Antara tokoh sufi yang menyumbang jasa besar dalam penyebaran dakwah pada ketika itu dan masih terkenal sehingga kini ialah Maulānā Jalaluddin al-Rumi (Fahmi Rizal, 2023: 18-24).

Jalaluddin al-Rumi merupakan antara tokoh sufi yang menjadi pencetus semangat toleransi sesama manusia (Yousuf, Maria et.al, 2019). Beliau mengajarkan kepada masyarakat untuk saling menghormati tanpa melihat kepada perbezaan sekalipun dengan orang bukan Islam di samping menekankan penegasan dalam menegakkan kebenaran agama Islam (Manar et.al, 2023a). Pengaruh besar Jalaluddin al-Rumi telah mendorong individu, masyarakat dan negara sehingga berjaya membentuk sebuah kerajaan Turki Uthmaniyah yang mengamalkan sistem toleransi iaitu sistem millet (Abu Hanifah, 2020; Anadolu-okur, 2013). Bahkan, kerajaan tersebut berjaya meluaskan empayarnya ke pelbagai latar belakang masyarakat yang berbeza agama dan bangsa yang dikenali sebagai ‘Daulah Uthmaniyah’. Artikel ini membahaskan secara lebih mendalam mengenai pengaruh Jalaluddin al-Rumi ke atas budaya toleransi dalam tamadun Turki Uthmaniyah. Kajian mendapati bahawa Jalaluddin al-Rumi memiliki perspektif yang tersendiri mengaitkan ‘toleransi’ antara umat Islam dan bukan Islam.

## 2.0 LATAR BELAKANG JALALUDDIN AL-RUMI

Jalaluddin Muhammad al-Balkhi al-Rumi iaitu seorang tokoh sufi terkenal yang berasal dari Balkh, Afganistan (Fahmi Rizal, 2023; Manar et.al, 2023b). Beliau dilahirkan pada 30 September 1207 Masihi bersamaan dengan 6 Rabiulawal 604 H dan wafat pada 17 Disember 1273 Masihi (Afzal Iqbal, 1956). Jalaluddin al-Rumi menyumbang jasa besar terhadap masyarakat Turki khususnya dan umat Islam umumnya dalam pemikiran, budaya dan kesusastraan (Abdikarimovich, 2020: 68-70). Bahkan beliau berjaya mengembangkan pengaruhnya yang semakin meluas sehingga berterusan dari era dinasti Bani Seljuk abad ke-7 H/ 13 M hingga era Khilafah Uthmaniah (Can, 2011). Tempoh pemerintahan kerajaan ini terkenal dengan penyebaran

tarekat sufi. Para sahabat dan murid-muridnya memberikan julukan ‘*Maulana*’ sebagai pengiktirafan di atas keilmuan dan sifat waraknya (Rumi, 2016: 11).

Jalaluddin al-Rumi dibesarkan dalam keluarga yang berlatarbelakangkan agama, di mana ayahnya juga merupakan seorang ulama besar pada ketika itu yang bernama Bahauddin Walad (Abbaspour, 2022). Beliau mewarisi kedudukan bapanya sebagai penasihat para ulama Konya (Mohd Faizal & Muhamad Hazwan, 2018: 162). Namun selepas kematian ayahnya, beliau bermusafir ke Syam dan berguru dengan ramai ulama di sana (Rumi, 2016: 12-14). Beliau menguasai fiqh mazhab Hanafi dan memegang akidah aliran *Maturidiyah* sebagai manhajnya (El-Badri, 2015: 25).

Sejak pertemuannya dengan seorang pengembara dan sufi yang datang ke Konya pada akhir tahun 642 H/ 1244 M iaitu Syams Tabrizi, ajaran dan keperibadian Jalaluddin al-Rumi berubah dari perbahasan fiqh semata kepada penghayatan yang sangat mendalam terhadap ilmu tasawuf (Anisa Putri, 2020: 16; Can, 2011; Fahmi Rizal, 2023). Ajaran Jalaluddin al-Rumi berkembang pesat bersama penyebaran karya besarnya *Mathnawi*, yang mana ketika itu berada di bawah kekuasaan Bani Seljuk di daerah Konya, Anatolia (Can, 2011: 1-7). Karya Jalaluddin al-Rumi penuh dengan falsafah, sufi dan idea-idea mendalam yang dibalut dengan metafora (Kilicheva & Gavkhar, 2022: 1). Beliau menghasilkan dua jenis penulisan karya sastera yang berbentuk karangan dan syair iaitu antaranya penulisan *al-Majālis al-Sab‘ah*, *Majmū‘ah min al-Rasa‘il* dan kitab *Fīhi Mā Fīhi*, manakala dalam bentuk syair berirama pula iaitu *Dīwan Syam Tibrīz*, *al-Ruba‘iyat* dan *Mathnawi* (Rumi, 2016: 21).

### **3.0 HUBUNGAN JALALUDDIN AL-RUMI DENGAN KERAJAAN BANI SELJUK DAN KHILAFAH TURKI UTHMANIYAH**

Sultan Alauddin Kayqubad I yang memerintah kerajaan Bani Seljuk pada 1220–1237 M telah menjadikan Bahauddin Walad (1151-1231 M), iaitu ayah kandung kepada Jalaluddin al-Rumi sebagai seorang penasihat agamanya yang paling penting (A.’Ahan, 2021: 15; Mochammad Asep & Zaenudin, 2022: 92; Rizem, 2023). Di atas permintaan sultan, keluarga ulama ini mengambil keputusan untuk menetap di Anatolia yang ketika itu merupakan ibu kota kerajaan Bani Seljuk (Al-Nadwi, 1974: 2). Setelah Bahauddin Walad wafat, anaknya Jalaluddin al-Rumi meneruskan majlis ilmu yang disertai oleh pihak istana dan bangsawan kerajaan. Pengajian agama pimpinan Jalaluddin al-Rumi ini terus dinaungi oleh Ghiyath al-Din Kaykhusraw ibn Kayqubad yang memerintah kerajaan Bani Seljuk pada 1237–1246 M (Can, 2011: 4-5).

Pada tahun 1273 M, Jalaluddin al-Rumi meninggal dunia dan dimakamkan di Konya, Anatolia. Setelah kewafatan beliau, anaknya pula iaitu Sultan Walad (1226-1312 M) telah meneruskan penyebaran kitab *Mathnawi* yang dicipta sendiri oleh Jalaluddin al-Rumi dan dikumpulkan oleh Hussamuddin Chelebi iaitu salah seorang murid setia Jalaluddin al-Rumi (Can, 2011). Karya besar Jalaluddin al-Rumi tersebut dapat diajarkan di masjid-masjid dan dibaca oleh semua orang. Sultan Walad juga berjasa menyusun Tarekat Mawlawiyah yang telah meneruskan tradisi sufi Jalaluddin al-Rumi (Fahmi Rizal, 2023: 23; Mohd Faizal & Muhamad Hazwan, 2018: 169).

Pada tahun 1299 M, Osman Ghazi telah mengasaskan Kerajaan Turki Uthmaniyyah di kota Sogut yang terletak dalam wilayah Anatolia (Abu Hanifah, 2020: 99). Tarekat Mawlawiyah yang sememangnya berpusat di Anatolia telah menghidupkan tradisi sufi Jalaluddin al-Rumi sebagai suatu amalan kerohanian masyarakat Turki (Mohd Faizal & Muhamad Hazwan, 2018: 168). Kitab *Mathnawi* turut digunakan dalam syarahan-syarahan agama. Osman Ghazi yang mengasaskan Kerajaan Turki Uthmaniyyah mempunyai darah diraja Bani Seljuk dari ibunya yang bernama Halime

Hatun, seorang puteri raja Kerajaan Bani Seljuk Rom (Fleifel, 2021). Tarekat Mawlawiyah terus berkembang dan diamalkan oleh umat Islam umumnya dan bangsa Turki khususnya (Rumi, 2014, 1: 8-10). Ia terus relevan diamalkan merentasi zaman Kerajaan Bani Seljuk dan Khilafah Turki Uthmaniyah.

Tradisi Jalaluddin al-Rumi telah menyumbang budaya prosa dan penulisan kepada bahasa Turki dan khazanah bangsa Khilafah Turki Uthmaniyah (Soileau, 2006). Tarekat Mawlawiyah yang asalnya merupakan tarekat sufi telah berkembang dan mempengaruhi kehidupan urban (Aslan, 2014: 6). Pada hujung abad ke-16, populariti syeikh dari Tarekat Mawlawiyah telah membolehkan mereka dijemput untuk menasihati kelas bangsawan dan istana. Sebagai contoh, Sultan Selim III (1761-1808) telah berbaiah dan menyertai majlis zikir seperti yang diajarkan Jalaluddin al-Rumi. Tarekat Mawlawiyah mempunyai adab dan kaedah khusus bagi membimbang murid agar menaiki martabat yang tinggi di sisi Allah SWT. Amalan yang diajarkan dapat membantu murid sufi supaya mencapai *maqam* kerohanian yang mulia (Soileau, 2006).

Semua tarekat dan *zawiyah* sufi bergerak bebas dengan sumber waqaf dari orang awam dan tidak bergantung kepada dana pemerintah. Bagaimanapun pada 1812, Sultan Mahmud II kemudiannya menaungi dan mengawasi semua *zawiyah* sufi yang berada di wilayah kerajaannya (Aslan, 2014: 6). Tujuannya bagi memantau dan mengawal pergerakan kaum sufi. Pihak pemerintah ingin memerhati aktiviti politik yang berlegar di dalam tarekat dan memastikan tidak berlaku sebarang pemberontakan dari dalam. Dana kewangan *zawiyah* sufi turut dipantau secara dekat.

Pada 1826, Sultan Mahmud II (1784-1839) telah mengarahkan pembantaian Janissari (tentera elit Turki Uthmaniyah yang berasal daripada golongan hamba abdi) dengan justifikasi mereka telah memberontak dan membunuh menteri kerajaan (Abu Hanifah, 2020: 87; Aslan, 2014; Firdaus, t.t.: 3-4; Siti Nadirah et.al, 2012: 344). Tarekat Bekteshi yang menjadi pegangan utama Janissary telah diharamkan pada bulan Disember tahun yang sama. Sementara itu, Tarekat Mawlawiyah tidak mengalami nasib yang sama kerana menyokong dasar pemodenan yang dilancarkan Sultan Mahmud II. Hubungan politik dan kerjasama mereka dengan kerajaan Uthmaniyah semakin kukuh (Soileau, 2006).

Pada zaman Sultan Abd al-Majid I (1823-1861), reformasi sistem pentadbiran dan ketenteraan Uthmaniyah giat dijalankan (Soileau, 2006). Wujud sebuah kombinasi modenisasi dan hak asasi manusia dalam peradaban Islam iaitu salah satu pencapaian penting Daulah Uthmaniyyah, di mana terdapat pada reformasi undang-undangnya yang dikenali sebagai '*tanzimat*', atau dalam bahasa Turki, '*Gülbane Hatt-i Hümayunu*'. *Tanzimat* diisytiharkan pada 3 November 1839. Meskipun komponen hak asasi manusia mengambil masa yang lama untuk muncul sebagai bahagian penting, iaitu setelah segala keistimewaan para Sultan dihadkan, hak asasi manusia akhirnya menjelma sebagai aspek paling ketara dalam '*tanzimat*' (Mohd Faizal, 2015: 85). Perkembangan hak asasi manusia dalam '*tanzimat*' adalah jasa dan usaha besar Sultan Selim II dan Sultan Mahmud II (di hujung abad ke-18) dan dilaksanakan oleh negarawan Uthmaniyyah yang antara lain adalah Mustafa Reshid Pasha, Ali Pasha, Fuat Pasha dan ramai lagi. *Tanzimat* menyediakan tapak reformasi dan modenisasi dalam konteks bidang ekonomi dan kehakiman. Perubahan ini diperlukan untuk melancarkan dan memperbaiki hubungan dagang antara negeri-negeri naungan Uthmaniyyah dan negara Barat yang sedang pesat dengan industrialisasi, '*improve the economic relationship between Ottoman state and industrialized Western world*' (Gemalmaz, 1993; Mohd Faizal, 2015).

Antara faktor utama yang mempengaruhi pembaharuan ini ialah kepercayaan bahawa perlunya sistem di Uthmaniyyah disusun semula mengikut sistem Eropah (Fadhilah & Maisarah, 2021: 22). Sejarah dengan pemikiran *tanzimat*, kerajaan telah menyatakan jemaah syeikh tarekat dan *zawiyah*

sufi di bawah bidang kuasa Shaykh al-Islam dan Hal Ehwal Agama bagi Uthmaniyah (Aslan, 2014). Pemusatan kuasa ini memberikan manfaat kepada perkembangan tarekat sufi secara rasmi apabila dana khas diwujudkan untuk *zawiyah* sufi. Wakaf orang awam lebih terkawal dan setiap *zawiyah* sufi mempunyai penjaga yang diberi gaji bulanan (Soileau, 2006).

## **4.0 TOLERANSI MENURUT JALALUDDIN AL-RUMI**

### **4.1 Toleransi antara Masyarakat yang Berbeza Agama**

Jalaluddin al-Rumi menjelaskan tentang hubungan antara sesama manusia dalam cerminan toleransi antara orang Islam dan kafir, di mana beliau berkata: “Kecantikan dan kuasa dan sifat mulia dan ilmu itu telah mengembara ke sini daripada Matahari Kecemerlangan. Kesemuanya, cahaya Matahari itu telah pulang kembali, seperti bintang-bintang, dari dinding-dinding ini. Pancaran Cahaya telah pulang kepada kediaman, setiap dinding ditinggalkan gelap dan hitam. Yang itu yang membuatmu tertakjub kepada wajah-wajah yang cantik ialah Cahaya Matahari daripada kaca tiga warna. Kaca-kaca pelbagai warna menyebabkan Cahaya itu kelihatan berwarna sedemikian seperti ini kepada kami. Apabila kaca-kaca yang pelbagai warna tidak ada lagi, maka Cahaya tidak berwarna membuatmu takjub. Jadikanlah ia tabiatmu untuk melihat Cahaya itu tanpa kaca supaya apabila kaca itu berkecaci, tidak mungkin ada kebutaan. Kamu telah berpuas hati dengan ilmu yang dipelajari. Kamu telah pasang matamu di pelita orang lain. Dia membawa pergi pelitanya supaya kamu boleh ketahui kamu peminjam, bukan seorang muda yang bermurah hati. Sekiranya kamu telah memberi syukur dan berusaha bertungkus-lumus, janganlah sedih, kerana Dia akan memberi seratus demikian sebagai ganti. Tetapi sekiranya kamu belum memberi syukur, menangis berdarahlah sekarang, kerana kecemerlangan itu telah meninggalkan yang tidak bersyukur. Dia menyebabkan kerja-kerja orang kafir menjadi sesat, Dia membuat keadaan orang-orang mukmin makmur”(Rumi, 2014, 5: 985-996).

Allah SWT berfirman yang bermaksud: “Allah cahaya langit dan bumi” (al-Quran, Surah al-Nur 24: 35). Bagaimanapun, istilah cahaya ini bukanlah zat sebenar Allah SWT kerana Tuhan tidak menyerupai makhluk manakala cahaya adalah makhluk dan boleh dilihat di dunia. Dalam ayat yang sama ditegaskan, “Allah memperbuat perumpamaan-perumpamaan bagi manusia” (al-Quran, Surah al-Nur 24: 35). Perumpamaan Allah SWT itu bermaksud cahaya yang disampaikan dalam al-Quran agar manusia mudah memahami kesempurnaan Tuhan yang maha menguasai dan mengurniakan manfaat kepada alam semesta ini (Al-Sheikh, 2004: 53-57). Mahmud Yunus (1957: 517-518) memberikan tafsiran kepada ayat tersebut iaitu Allah SWT menunjukkan perumpamaan bahawa petunjuk al-Quran ini adalah seperti cahaya yang terang benderang, menerangi kaum yang gelap-gelita. Cahaya itu seperti cahaya lampu (pelita) yang dalam gelas (kaca) yang sangat jernih, sedang cahayanya seperti cahaya bintang yang berkilau-kilauan. Lampu itu dinyalakan dengan minyak zaitun yang tumbuh di negeri yang bukan Barat dan bukan Timur, iaitu negeri Syam, sedang minyaknya sangat jernih pula, sehingga kejernihannya rasa-rasa akan bercahaya dengan sendirinya, meskipun tidak disentuh api atau seperti elektrik masa kini, minyaknya tidak ada di Barat dan tidak pula di Timur, sedang mentolnya menyala dengan sendiri tanpa menggunakan mancis. Lampu itu terletak dalam lubang dinding rumah (masjid) iaitu (sebagaimana lampu elektrik yang digunakan untuk memainkan filem).

Cahaya digambarkan oleh Jalaluddin al-Rumi sebagai terpancar ke dunia dari cerminan kaca-kaca. Walaupun kaca-kaca tersebut berbilang-bilang, tetapi cahayanya bersumber dari yang satu semata-mata. Jalaluddin al-Rumi menyebut: “Laluan mungkin berbeza, tetapi matlamat utama adalah untuk menuju kepada Tuhan” (Kilicheva & Gavkhar, 2022: 1-2). Tidak kira dari kaca yang

mana satu atau kejadian yang bagaimana, ia tetap bersumber dari Tuhan yang Esa. Walau apa sahaja yang terjadi dari ketetapan dan keadaan sesuatu perkara, ia adalah seumpama cahaya yang satu dan kemudian meninari cerminan kaca yang banyak.

Jalaluddin al-Rumi mengingatkan orang beriman untuk memandang lebih tembus kepada cerminan kaca-kaca itu iaitu dengan mengingati bahawa kaca yang berbilang itu tidak mengeluarkan cahaya melainkan dari sumber yang satu. Maka, bersyukur ialah salah satu cara untuk mengingati semua nikmat yang terbias dalam kehidupan ini. Justeru itu, setiap sesuatu yang datang dari takdir adalah bersumber daripada Allah SWT juga. Demikian, umat Islam tidak perlu bersedih terhadap apa yang menimpa orang beriman dalam hubungan sosial bersama orang kafir kerana kepasrahan dan tawakal kepada Tuhan ini akan menerbitkan keharmonian di hati orang beriman dan seterusnya mendorong kepada sikap untuk berlapang dada. Orang mukmin menyerahkan urusan orang kafir kepada Tuhan kerana mereka adalah milik Tuhan.

Umat manusia saling menginginkan keamanan dan perdamaian antara mereka. Menurut Ganji (2019) bahawa toleransi pada perspektif mistik Jalaluddin al-Rumi ialah merupakan sebuah ‘toleransi berkasih sayang’, di mana ia berlatarkan kasih sayang semata-mata dan belas kasihan terhadap manusia tanpa mengharapkan apa-apa keuntungan daripada hubungan tersebut. Bahkan Jalaluddin al-Rumi dikategorikan sebagai model bagi sebuah toleransi dan perhubungan atau dialog (Michel, 2007: 184). Pendekatan falsafah Jalaluddin al-Rumi mengajarkan tentang penghormatan terhadap individu, persaudaraan rakyat, bangsa dan sesama manusia tanpa ada kebencian atau penindasan antara satu sama lain (Kilicheva & Gavkhar, 2022: 3).

Manusia pada sisi Jalaluddin al-Rumi ialah sama sahaja kerana berpandukan kepada tujuan asal penciptaan, manusia sesungguhnya kembali menuju Tuhan yang sama. Beliau berkata: “Kebijaksanaan (Tuhan),” jawab hamba itu, “telah membiarkannya tersembunyi supaya dunia baik dan buruk ini boleh menjadi rahsia. Kerana, sekiranya rupa-rupa fikiran (yang terulung) hendak menjadi zahir, kafir dan mukmin (sama-sama) tidak berkata apa-apa melainkan pujian (Tuhan). Sekiranya begitu, sekiranya ini dilihat dengan jelas, Oh Raja, tidak tersembunyi, dan sekiranya tanda agama atau kekafiran (nyata) di dahinya! Bagaimana akan adanya berhala dan penyembah berhala di dunia ini? Bagaimanakah akan adanya orang mempunyai pundi hempedu (keberanian, hati perut) untuk mengejek (benda-benda yang suci)? Dengan itu, dunia kami ini akan menjadi (seperti) kebangkitan: siapa yang lakukan dosa dan kesalahan kepada Kebangkitan?” (Rumi, 2014, 2: 980-984).

Kehidupan dan transformasi Jalaluddin al-Rumi memberikan kesaksian sekaligus bukti yang benar bahawa setiap orang dari semua agama dan latar belakang yang berlainan boleh hidup bersama dengan aman dan harmoni. Di sebalik kehebatannya sebagai seorang ulama, beliau sentiasa bergaul dengan masyarakat, mendengar perkongsian mereka, dan menasihati mereka untuk menyelesaikan masalah. Interaksi ini mewujudkan paradigma yang membolehkannya melihat sesuatu secara keseluruhan, dengan cara interaksi yang saling berkaitan sebagai satu keharmonian (Kilicheva & Gavkhar, 2022: 1). Riwayat kata-kata dan kehidupan beliau mengajar bagaimana untuk mencapai kedamaian dan kebahagiaan rohani supaya akhirnya dapat menghentikan aliran permusuhan dan kebencian yang berterusan sebaliknya terus mencapai keamanan dan keharmonian global yang sebenar (Ansari, 2018: 2306).

Jalaluddin al-Rumi membina hubungan toleransi antara masyarakat yang pelbagai agama dan bangsa tanpa memandang kepada perbezaan *zahiriyyah*, namun ia dilakukan atas dasar dakwah iaitu supaya mentauhidkan Allah SWT. Jalaluddin al-Rumi berkata: “Melalui kesilapan, orang-orang yang telah sesat jalan (benar), berkata kepada rasul-rasul “Lihat, kami mendapat tanda buruk

daripadamu." Lihatlah kejahilan Nasrani yang merayu perlindungan daripada *Rabb* yang bergantung (di Salib)! Oleh sebab, mengikut kepercayaannya (Nasrani), Dia disalib oleh Yahudi, bagaimanakan pula Dia melindunginya?" (Rumi, 2014, 2: 1392-1394). Jalaluddin al-Rumi memiliki tujuan yang lebih besar iaitu untuk menarik atau mengajak manusia kepada mentauhidkan Allah SWT sebagaimana tuntutan Islam. Beliau mengangkat keagungan Islam sekaligus melaksanakan pendekatan dakwah tauhid menerusi hubungan toleransi antara kepelbagai masyarakat yang berbeza latar belakang agama dan keturunan.

Jalaluddin al-Rumi berpegang teguh kepada ajaran Islam untuk membina keamanan dalam masyarakat, sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud: "Wahai sekalian manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya, Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya zuriat keturunan lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertakwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut nama-Nya, serta peliharalah hubungan silaturahim kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawasi) kamu" (al-Quran, Surah al-Nisa' 4: 1). Jalaluddin al-Rumi menegaskan melalui ajaran sufinya bahawa pengetahuan yang benar, pendidikan yang betul dan dialog merupakan cara yang terbaik untuk memerangi cabaran sosio-ekonomi dan politik baharu demi menggalakkan toleransi bagi membawa keamanan dan keharmonian di peringkat masyarakat serta global (Yousuf, Maria et.al 2019). Setiap pemikiran dan tingkah laku oleh Jalaluddin al-Rumi mencerminkan mesej keamanan terhadap individu dan sosial. Jalaluddin al-Rumi mengambil penting terhadap ketenangan dalaman atau rohani individu kerana melaluinya ia mampu menyebarkan kedamaian kepada masyarakat dengan lebih meluas.

#### **4.2 Toleransi antara sesama Umat Islam**

Selain membahaskan toleransi yang dibawa oleh Jalaluddin al-Rumi dalam mendepani masyarakat yang berbeza agama, beliau juga sebenarnya lebih mengetengahkan mesej toleransi yang sewajarnya dilakukan antara sesama umat Islam itu sendiri. Terdapat sebuah kisah yang dibawa oleh Jalaluddin al-Rumi menggambarkan dakwah toleransi antara umat Islam iaitu pada suatu hari, Nabi Musa AS berjalan melalui sebuah padang pasir yang luas. Peristiwa ini berlaku sebelum baginda naik berbicara dengan Allah SWT di Bukit Sinai. Sedang baginda berjalan, tiba-tiba kedengaran suara seorang lelaki yang berdoa dengan suara mendayu-dayu. Rupa-rupanya, suara ini datang daripada seorang penggembala kambing yang sedang asyik berdoa. Jalaluddin al-Rumi menceritakan, iaitu: "Musa melihat seorang penggembala dalam perjalanan yang berkata, "Oh Tuhan, yang memilih (siapa yang Kamu sukai), Di manakah Kamu supaya aku boleh menjadi hamba-Mu dan menjahit kasut-Mu dan menyikat rambut-Mu? Supaya aku dapat membasuh pakaian-Mu dan membunuh kutu-Mu dan membawa susu untuk-Mu, Oh yang Disembah, Supaya aku boleh mencium tangan-Mu yang kecil dan menggosok kaki-Mu yang kecil (dan apabila) sampai masa untuk tidur, aku boleh menyapu bilik-Mu yang kecil! Oh Kamu yang kepada siapa kesemua kambingku menjadi korban, Oh Kamu yang peringatan-Mu ialah tangisan au dan ah-ku!". Penggembala itu menyebut kata-kata yang bodoh dengan cara ini: Musa berkata, "Manusia, kepada siapakah ini (ditujukan)? Dia menjawab, "Kepada Dia yang mencipta kami: dengan-Nya bumi dan langit ini dibawakan kepada pandangan." "Dengar" Kata Musa, "Kamu telah banyak berundur ke belakang (rosak akhlak): sesungguhnya kamu belum menjadi seorang Islam: kamu telah menjadi seorang kafir. Apakah bebelan ini? Kata-kata kufur dan percakapan gila apakah ini? Sumbatlah sedikit kapas ke dalam mulutmu! Kebusukan kata-kata kekufuranmu telah membuat (satu) dunia

busuk: kata mata kufurmamu telah menukar menjadi jubah sutera agama kepada kain buruk”(Rumi, 2014, 2: 1710-1719).

Kemarahan Nabi Musa AS telah membuatkan si penggembala kambing ketakutan. Dia segera melarikan diri bagi mengelak daripada dimarahi lagi oleh baginda. Sementara itu, turun sebuah wahyu dari Allah SWT kepada Nabi Musa AS. Jalaluddin al-Rumi berkata: “Satu wahyu sampai kepada Musa daripada Tuhan, "Kamu telah memisahkan hamba-Ku daripada-Ku. Adakah kamu datang (sebagai Rasul) untuk menyatakan atau adakah kamu datang untuk memutuskan? Sejauh mana yang kamu boleh, jangan letakkan kakimu dalam pemisahan: dari (segala) benda, perkara yang amat dibenci Aku, ialah penceraian. Aku telah kurniakan kepada setiap orang satu cara (khusus) untuk berkelakuan: Aku telah memberikan setiap orang satu cara (luar biasa) untuk meluahkan (perasaan). Daripada dia ia (wajar) dipuji, dan daripada kamu, ia (wajar) dipersalahkan: daripada dia, madu dan daripadamu, racun. Aku bebas daripada segala kesucian dan kekotoran, segala kemalasan dan kesegeraan (dalam menyembah-Ku). Aku tidak memerintah (menyembah Tuhan) supaya Aku memperoleh apa-apa keuntungan: tidak, supaya Aku boleh melakukan satu kebaikan kepada hamba (Ku). Dalam orang Hindu, bahasa harian India harus dipuji: dalam orang Sind, bahasa harian Sind harus dipuji. Aku tidak disucikan oleh pemujian mereka (terhadap-Ku): ia adalah mereka yang menjadi suci dan menabur mutiara (suci dan sinar). Aku tidak melihat pada lidah dan kata-kata: aku lihat roh dan keadaan (perasaan). Aku tenung ke dalam hati (untuk melihat) sama ada ia menjadi rendah, walaupun kata-kata yang disebut tidak rendah” (Rumi, 2014, 2: 1740-1750).

Jalaluddin al-Rumi menyambung lagi pada bait yang berikutnya, iaitu: “Kepada kekasih, ada kebakaran (yang membaham mereka) pada setiap saat: cukai dan zakat tidak (dipaksakan) ke atas perkampungan yang musnah. Sekiranya dia (kekasih) bercakap salah, jangan katakan dia salah, dan sekiranya seorang syahid bermandikan darah, jangan mandikan (bersihkan) nya. Untuk syahid-syahid, darah lebih baik daripada air: kesalahan ini (yang dilakukan olehnya) adalah lebih baik daripada seratus tindakan benar (orang lain). Di dalam Kaabah, hukum kiblat tidak wujud: apa kisahnya sekiranya penyelam tidak ada kasut salji? Jangan cari petunjuk jalan daripada yang mabuk: kenapa kamu mengarahkan mereka yang berpakaian koyak untuk memperbaikinya? Agama Cinta lain daripada agama-agama yang lain: untuk kekasih, (satu-satunya) agama dan mazhab ialah-Tuhan. Sekiranya delima itu tidak ada mohor (terukir di atasnya) tidak ada masalah: Cinta di laut kesedihan tidak menyedihkan. Selepas itu, Tuhan bercakap secara berahsia ke hati sanubari Musa, rahsia-rahsia yang tidak boleh dikata. Kata-kata dituang ke atas hatinya: pandangan dan kata-kata bercampur sama. Bagaimana dia menjadi tidak tentu arah dan bagaimana dia pulang kepada dirinya sendiri! Bagaimanakah dia melayang dari tempat selama-lamanya kepada keabdian! Sekiranya aku bentangkan (kisahnya) selepas ini, ia kebodohan (dalamku) kerana penjelasan ini melangkaui kefahaman (kami). Dan sekiranya aku bercakap, ia akan mencabut fikiran-fikiran (manusia), dan sekiranya aku tulis, ia akan kecaikan banyak kalam. Apabila Musa mendengar teguran-teguran ini daripada Tuhan, dia berlari ke padang pasir mencari penggembala itu. Dia gigih berjalan ke padang pasir mencari penggembala itu. Dia gigih berjalan di atas bekas tanda kaki orang yang bingung itu: dia mengacau debu dari kepinggiran padang pasir (bergesa). Langkah seorang yang gelisah adalah, sebenarnya, lain daripada langkah-langkah orang yang lain” (Rumi, 2014, 2: 1755-1769).

Teguran daripada Allah SWT ini menyedarkan Nabi Musa AS supaya memaafkan penggembala. Lantas, baginda bersegera mencari semula di manakah perginya si penggembala kambing tadi. Apabila berjaya dijumpai, penggembala tersebut cuba menjauhkan diri daripada baginda. Nabi Musa AS datang dan memujuk si penggembala kambing supaya jangan berasa takut lagi dengannya. Dengan wahyu daripada Allah SWT, Nabi Musa AS mengiktiraf penggembala

kambing ini sebagai wali Allah. Jalaluddin al-Rumi berkata: “Akhirnya dia (Musa) dapat mengejarnya dan menemuinya: pemberi berita yang baik berkata, "Kebenaran telah datang (daripada Tuhan). Jangan cari apa-apa peraturan atau cara (menyembah): katakanlah apa jua hatimu yang gelisah inginkan: Kekufuranmu ialah agama (benar) dan agamamu ialah cahaya roh: kamu telah diselamatkan dan melaluimu (satu) dunia beriman. Oh kamu yang telah dibuat teguh oleh Tuhan melakukan apa jua Dia kehendaki! Bebaskanlah lidahmu tanpa mengambil kira (apa yang kamu kata)” (Rumi, 2014, 2: 1773-1776).

Kisah tersebut bukan bertujuan memberi maksud kepada penerimaan pluralisme agama, sebaliknya Jalaluddin al-Rumi jelas mengangkat perselisihan faham dalam kalangan umat Islam sendiri agar tidak berlaku kecelaruan apabila melibatkan toleransi dengan orang-orang yang mengalami keadaan seperti mana keadaan si penggembala kambing. Sesetengah perkataan dan pernyataan ahli sufi yang zahirnya kadang-kadang membawa kepada menyalahi syariat, namun sebenarnya tidak. Perkara ini dijelaskan dalam kitab *Tafrid al-Kathir*, iaitu: “Apabila engkau mendengar beberapa perkataan dari ahli tasawuf dan ahli kesempurnaan yang zahirnya tidak *muwafaqah* (bertepatan) dengan syariat Nabi SAW yang memberi petunjuk daripada kesesatan, (maka) hendaklah kamu *tawaqquf* (berhenti dan tidak perlu diperpanjangkan) dalamnya dan bermohonlah kepada Allah SWT yang Maha Mengetahui agar Dia memberimu ilmu yang belum engkau ketahui. Dan janganlah engkau cenderung untuk mengingkarinya yang (mana dengan mengingkari itu) boleh membawa kepada sesuatu akibat yang tidak diingini. Ini kerana sebahagian perkataan-perkataan mereka itu adalah suatu simbolik atau isyarat yang tidak mudah difahami, sedangkan pada hakikatnya ia selari dengan batin al-Quran al-Karim dan Hadis Nabi SAW yang mulia. Maka inilah jalan yang paling selamat yang sejahtera dan jalan yang lurus” (Muhadir, 2016: 671-672).

Jalaluddin al-Rumi menceritakan sebuah kisah lain iaitu: “Empat orang India memasuki sebuah Masjid. Mereka menundukkan kepala mereka dan sujud diri mereka untuk beribadat. Setiap daripada mereka melakukan takbir selepas niat dan mula bersembahyang dengan khusuk dan kesesalan. *Muazzin* tiba, daripada salah satu daripada mereka satu sebutan terlepas, "Oh *Muazzin*, kamu sudah azankah? Sudah masuk waktukah? Orang India kedua berkata pada saat itu atas keperluan, "Oh kamu telah berkata dan sembahyangmu batal. Yang ketiga berkata kepada yang kedua, "Oh pakcik, kenapa kamu menegurnya? Beritahu kepada dirimu sendiri". Berkata yang keempat, "Alhamdulillah kerana aku tidak jatuh ke dalam lubang seperti yang tiga-tiga itu". Maka sembahyang keempat-empat itu cacat dan yang mencari kesalahan, terpesong lebih. Oh gembiralah roh yang melihat kesilapannya sendiri, dan sekiranya sesiapa memberitahu tentang satu kesilapan itu, dengan mengharapkan dengan tidak sabar itu ke atas diri sendiri! Kerana separuh daripadanya telah selalu menjadi kepunyaan alam kejahatan dan separuh dirinya lagi ke alam Ghaib. Oleh sebab kamu ada sepuluh kudis di kepalamu, kamu telah letakkan pelekat ke atas dirimu sendiri. Mencari kesilapan dengan kudis ialah penawar untuknya. Apabila satu patah, ia adalah waktu untuk taat kepada perintah Rasul, “Kasihnilah” ” (Rumi, 2014, 2: 3014-3024).

Sikap toleransi dan bijaksana dalam menegur sangat penting apabila terjadinya kesalahan dalam kalangan anggota masyarakat. Huru-hara dan kacau-bilau akan tercetus apabila manusia saling bergaduh dan membuka aib sesama saudaranya. Jalaluddin al-Rumi mengajarkan toleransi dengan cara setiap manusia hendaklah memerhati keburukan dirinya sendiri terlebih dahulu. Jika setiap orang memelihara akhlak dan ibadah diri sendiri, maka setiap anggota masyarakat akan menjadi baik dan terhormat. Manakala seandainya setiap orang saling berbalah dan mencari keburukan antara satu sama lain, pergaduhan tidak akan selesai sampai bila-bila. *Amr ma'arif nahi munkar* dengan maksud mengerjakan kebaikan dan mencegah kemungkaran adalah merupakan

perintah Allah SWT dalam al-Quran. Firman Allah SWT yang bermaksud: “Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)” (al-Quran, Surah Ali-Imrān 3: 110). Bagaimanapun, Nabi Muhammad SAW mencontohkan sifat *tabligh* (menyampaikan) dengan cara *fatōnah* (bijaksana). Sepanjang 23 tahun dakwah baginda SAW, dapat dilihat bahawa baginda SAW menonjolkan sifat berhikmah dan adil (menempatkan sesuatu pada tempatnya) apabila menegur kesalahan dan kesilapan umatnya.

## **5.0 PERKEMBANGAN TOLERANSI DALAM KHILAFAH TURKI UTHMANIYAH: SISTEM MILLET**

Kerajaan Turki Uthmaniyyah berjaya mengukuhkan kedudukan mereka sebagai kerajaan Islam yang terkuat pada abad ke-16 khususnya di Timur Tengah dan dianggap sebagai pelindung dan pembela Islam kerana telah menguasai tiga kota suci umat Islam iaitu Makkah, Madinah dan Baitulmaqdis di Jerusalem (Palestin) (Abu Hanifah, 2020: 98; Aiza & Ratna Roshida, 2023: 389). Secara tidak langsung, kedudukan kerajaan Turki Uthmaniyyah juga semakin dihormati dalam kalangan umat Islam apabila berjaya menguasai Makkah yang menjadi destinasi ibadah haji dan penjaga Kaabah, sekalipun penjaga sebenar Makkah ialah Sharif Makkah daripada keluarga Bani Hasyim yang dilantik oleh kerajaan Turki Uthmaniyyah (Abu Hanifah, 2020; Teitelbaum, 1998: 103).

Kerajaan Turki Uthmaniyyah turut menyumbang dalam mencapai perpaduan rakyat. Antaranya ialah dengan memperkenalkan sistem ‘*millet*’ iaitu sistem kelompok agama bagi masyarakat bukan Islam (Abu Hanifah, 2020: 103-104). Sistem *millet* merupakan sebuah inovasi yang digunakan oleh pemerintah Uthmaniyyah untuk menguruskan kumpulan agama empayar dari penaklukan Konstantinopel pada tahun 1453 hingga abad ke-19 (Barkey & George, 2016: 24). Sistem ini memayungi pelbagai agama yang berbeza yang terdiri daripada Kristian, Yahudi dan juga Islam (Yilmaz & Erdem, t.t.).

Setiap kelompok agama dipimpin oleh seorang ketua dan diberikan kuasa terhad bagi menguruskan hal ehwal masing-masing, namun masih di bawah penguasaan kerajaan pusat. Sistem yang diasaskan oleh Mehmed I (1413–1421) ini terbahagi kepada tiga kelompok utama yang dipimpin oleh ketua agama masing-masing dan dilantik oleh sultan (Abu Hanifah, 2020). Pertama, kelompok Greek Ortodok yang dipimpin oleh Ketua Paderi Greek Ortodok iaitu Kristian bermazhab Ortodok. Kedua, kelompok Armenia yang dipimpin oleh Ketua Paderi Armenia iaitu Kristian bermazhab Katolik. Ketiga, kelompok Yahudi yang dipimpin oleh “*hahambası*” atau Ketua Agama Yahudi (Rabbi) di Istanbul. Di Eropah, “*millet*” juga sering dianggap sebagai sistem ‘negara’ yang mewakili kelompok agama tertentu khususnya menjelang akhir abad ke-19. Kewujudan sistem *millet* memberikan kebebasan kepada masyarakat bukan Islam untuk mengamalkan agama dan budaya mereka secara bebas tanpa gangguan pihak kerajaan, selagi mereka masih membayar cukai yang dikutip melalui ketua setiap *millet* dan setia kepada kerajaan.

Sistem tersebut sekaligus mengangkat keagungan dan keadilan Islam terhadap masyarakat bukan Islam tanpa ada paksaan. Tambahan lagi, mereka diberikan jaminan keselamatan dan kesejahteraan terhadap nyawa, harta dan kehormatan selagi masih mengikuti dan mengiktiraf pemerintahan Islam. Untuk jangka masa yang panjang, sistem tersebut menggalakkan perpaduan dalam kalangan rakyat kerana mereka juga diberikan peluang untuk berkhidmat dan berbakti

kepada negara meskipun dengan cara yang sedikit berbeza (Abu Hanifah, 2020: 104; Nada Oktavia, 2022: 60).

## 6.0 KESIMPULAN

Budaya toleransi dan bertolak ansur sesama bangsa dan agama yang diamalkan oleh Khilafah Turki Uthmaniyah sepanjang pemerintahannya telah membuktikan bahawa pemikiran Jalaluddin al-Rumi sememangnya membawa pengaruh positif kepada pembangunan tamadun Islam. Setelah mengkaji dari sudut sejarah Uthmaniyah dan teks *Mathnawi*, dapat disimpulkan bahawa sikap saling menghormati antara bangsa dan agama merupakan inti pati penting yang telah diajarkan dalam *Mathnawi* dan dibudayakan dalam pemerintahan Khilafah Turki Uthmaniyah. Mustahil bagi sebuah kerajaan besar yang bertanggungjawab memayungi umat Islam untuk mencapai keamanan seandainya tidak memupuk semangat perpaduan dan keharmonian terlebih dahulu. Tanpa sikap saling hormat-menghormati, pembangunan tamadun akan terbantut kerana permusuhan dan perselisihan di antara bangsa dan agama.

Budaya toleransi yang dipupuk oleh Jalaluddin al-Rumi tidak mengajarkan supaya mengorbankan akidah dan identiti seorang Muslim. Bahkan, budaya toleransi yang ditampilkan haruslah didorong dengan semangat dakwah dan mengajak manusia untuk bersatu padu sebagai hamba kepada Tuhan yang Maha Esa. Jalaluddin al-Rumi mendidik umat Islam untuk meninggikan kemuliaan Islam seperti yang dilakukan oleh Khilafah Turki Uthmaniyah, tanpa perlu mengorbankan nilai agama yang penting. Kejayaan pemikiran Jalaluddin al-Rumi dalam *Mathnawi* yang telah tersebar di tengah-tengah jajahan Uthmaniyah memadai untuk menjadi contoh kepada individu dan masyarakat agar mempunyai semangat toleransi yang tinggi di samping tetap berpegang teguh kepada prinsip-prinsip agama Islam yang murni.

## Penghargaan

Selaku pengarang utama Manar Muhammad yang mencetus idea penyediaan draf asal, melakukan pengumpulan data kajian serta menulis keseluruhan artikel yang dipersembahkan, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Penyelia, Dr Indriaty Ismail di atas komen dan cadangan yang diberikan dalam penghasilan penulisan ini. Tak lupa juga jutaan terima kasih kepada Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di atas pemberian dana Tabung Agihan Penyelidikan (TAP). Seterusnya, terima kasih kepada pihak penilai dan editor yang membantu dalam usaha ini.

## Konflik Kepentingan

Penulis dengan ini mengisyiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan artikel ini

## Senarai Rujukan

### *Al-Quran al-Karim*

- A.‘Ahan, Akhlaque. (2021). *Rumi, The Silk Route and Indian Sub-Continent*. Senay Kaygin & Ogr Uyesi Husna Kotan (pnyt). T.tp: Bildiriler Kitabi.
- Abbaspour, Bita Naghmeh & Mansour Amini. (2022). Persian Rumi in American Context: Investigating Ideological Persian Rumi in American Context: Investigating Ideological Manipulation of

- Illustrations. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 19(2), 185–203.
- Abdikarimovich, Babayev Otabek. (2020). The True Values of The Mavlono Jaloliddin Muhammad Rumiy's Philosophy in Russian Translations. *International Journal on Orange Technologies*, 02(12), 68–71.
- Abu Hanifah Haris. (2020). Sejarah Kerajaan Turki Uthmaniyyah dan Sumbangannya dalam Bidang Sosiopolitik Abad Ke-14 Hingga Abad Ke-20. *Journal of Al-Tamaddun*, 15(1), 85–107. DOI: <https://doi.org/10.22452/jat.vol15no1.6>
- Afzal Iqbal. (1956). *The Life and Work of Jalal-ud-din Rumi*. A. J. Arberry (ptrj). T.tp: The Octagon Press London.
- Aiza Maslan @ Baharudin & Ratna Roshida Ab Razak. (2023). Makkah dan Benua Ruhum dalam Pemikiran Orang Melayu. *E-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 20(3), 382–392.
- Al-Nadwi, Abu al-Hasan. (1974). *Maulana Jalaluddin Rumi*. M. Adib Bisri (ptrj). T.tp: al-Mukhtarul Islami.
- Al-Sheikh, Abdullah bin Muhammad bin Abdurahman bin Ishaaq. (2004). *Lubābut Tafsir Min Ibn Kathir*. M. Abdul Ghoffar (ptrj). Jilid 6. T.tp: Pustaka Imam asy-Syafi'i.
- Anadolu-okur, Nilgun. (2013). Historicizing Influence of Ottoman Mysticism and Mawlana Jalal Al-Din Rumi Through Contemporary Turkish Literature. *World Journal of Islamic History and Civilization*, 3(3), 134–142. DOI: <https://doi.org/10.5829/idosi.wjihc.2013.3.3.3307>
- Anisa Putri. (2020). *Analytical Study Of Social Values In Fibi Ma Fibi Of Jalaluddin Rumi*. Faculty Maulana Malik Ibrahim State Islamic University Malang.
- Ansari, Zulfikar Ali. (2018). Rumi: The Sufi Mystic Poet of Persian Language. *International Journal of Applied Social Science*, 5(12), 2302–2306.
- Aslan, Rose. (2014). The Museumification of Rumi's Tomb: Deconstructing Sacred Space at the Mevlana Museum. *International Journal of Religious Tourism and Pilgrimage*, 2(2), 1-16.
- Barkey, Karen & George Gavrilis. (2016). The Ottoman Millet System: Non Territorial Autonomy and its Contemporary Legacy. *Ethnopolitics*, 15(1), 24–42. DOI: <https://doi.org/10.1080/17449057.2015.1101845>
- Can, Sefik. (2011). *Fundamentals of Rumi's Thought (A Mevlevi Sufi Perspective)*. Zeki Saritoprak (pnyt). Ed. English. T.tp: Tughra Books.
- El-Badri, Muhammad Yusuf. (2015). Pluralisme Islam Analisis Hermeneutika Puisi Jalaludin Rumi. *Jurnal Penelitian Keislaman*, 11(1), 17–36.
- Fadhilah Mustapha & Maisarah Hasbullah. (2021). Kemasukan Sains dan Teknologi dari Barat Ke dalam Kerajaan Uthmaniyyah pada Abad Ke-18 dan Abad Ke-19: Satu Penilaian Sejarah. *Sejarah: Journal of History Department, University of Malaya*, 30(1), 20–42. DOI: <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol30no1.2>
- Fahmi Rizal Mahendra. (2023). Mengislamkan Turki: Peradaban Tasawuf di Turki-Ottoman Abad ke 13-16. *Khazanah: Jurnal Sejarah Dan Kebudayaan Islam*, 13(1), 17-34.
- Firdaus Zainal. (t.t.). *Gaddafi: Fakta di Sebalik Pembunuhan*. T.tp: T.pt.
- Fleifel, Bassem. (2021). Osman I, father of kings. *WikiJournal of Humanities*, 4(1), 1. DOI: <https://doi.org/10.15347/wjh/2021.001>
- Ganji, Mohammad Hussein. (2019). A Look at Tolerance from The Viewpoint of Rumi. *Balkan Journal of Philosophy*, 11(1), 55–64. DOI: <https://doi.org/https://doi.org/10.5840/bjp20191117>
- Gemalmaz, Mehmet Semih. (1993). To understand Turkish Democracy: Modernization Process Towards Human Rights in Late Ottoman State. *Turkish Yearbook of Human Rights*, 15(1), 31–49.
- Kilicheva, Karomat & Gavkhar Klicheva. (2022). Sufi and Philosophical Heritage of Jalaluddin Rumi. *International Journal of Humanities, Literature & Arts*, 5(1), 1–4. DOI: <https://doi.org/10.21744/ijhla.v5n1.1799>
- Mahmud Yunus. (1957). *Tafsir: Quran Karim*. Jakarta: Lajnah Pentashih Mashaf al-Quran.
- Manar Muhammad, Indriaty Ismail & Faudzinain Hj. Badaruddin. (2023a). Konsep Irādah dan Amr

- Menurut Jalaluddin al-Rumi dan Perbandingannya dengan Falsafah Occasionalisme. *Islāmiyyāt*, 45(1), 125–138. DOI: [https://doi.org/https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2023-4501-11](https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2023-4501-11)
- Manar Muhammad, Indriaty Ismail & Faudzinain Hj. Badaruddin. (2023b). Wali Allah dan Cinta kepada Tuhan dalam Kisah Laila Majnun Versi Jalaluddin al-Rumi (1207-1273M) dalam Mathnawi. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(2), 66–85.
- Michel, Thomas. (2007). Fethullah Gülen: Following in the Footsteps of Rumi. *Peaceful Coexistence: Fethullah Gülen's Initiatives in the Contemporary World*, 183–191.
- Mochammad Asep Nurrochmat & Zaenudin. (2022). Nilai-Nilai Pendidikan Multikultural Menurut Jalaluddin Rumi. *Journal Islamic Pedagogia*, 2(2), 88–99.
- Mohd Faizal Harun & Muhamad Hazwan Abd Razak. (2018). *Sejarah Tarekat (Pertumbuhan dan Penyebaran di Dunia Islam)*. Kedah: Universiti Utara Malaysia (UUM) Press.
- Mohd Faizal Musa. (2015). Pengantar Hak Asasi Manusia Moden dan Hujah Sangkalan Ia Bertentangan dengan Islam. *Jurnal Antarabangsa Alam Dan Tamadun Melayu*, 3(3), 79–94. DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/IMAN-2015-0303-08>
- Muhadir Joll. (2016). *Khilafiah (Persoalan & Penjelasan)*. Natrah Mustajab (pnyt). T.tp: Inteam Publishing.
- Nada Oktavia. (2022). Turki: Menuju Sistem Pendidikan Modern dalam Sebuah Masyarakat Demokrasi. *Jurnal Revorma*, 2(2), 56–64.
- Rizem Aizid. (2023). *Selayang Pandang Dinasti Seljuk*. Rusdianto (pnyt). T.tp: Diva Press.
- Rumi, Jalaluddin. (2014). *Mathnawi*. Sayyid Mohamed Ajmal Bin Abdul Razak Al-Aidrus (ptrj). Konya: Mevlana Kultur Merkezi Karatay.
- Rumi, Jalaluddin. (2016). *Fibi Ma Fibi (71 Ceramah Rumi Untuk Pendidikan Rubani)*. Abu Ali dan Taufiq Damas (ptrj). T.tp: Zaman.
- Siti Nadirah Othman, Azureen Sabina Walter Kamarul & Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Zaman Kegemilangan Islam. *Prosiding Seminar Tamadun 2012, April*, 333–348.
- Soileau, Mark. (2006). *Humanist Mystics: Nationalism and The Commemoration of Saints in Turkey*. Issue September. University of California, Santa Barbara.
- Teitelbaum, Joshua. (1998). Sharif Husayn Ibn Ali and The Hashemite Vision of The Post-Ottoman Order: from Chieftaincy to Suzerainty. *Middle Eastern Studies*, 34(1).
- Yilmaz, Ahmet Yusuf & Tevfik Erdem. (t.t.). The Ottoman Millet System and Its Relationship with Nationalism. *Turkish Studies-Economy, Finance, Politics*, 15(4).
- Yousuf, Maria Muhammad Ahmad Qadri & Hafiz Osmanov. (2019). Mevlana Rumi: A 13th Century Scholar's Teachings to Foster Tolerance, Peace and Harmony. *International Journal of Education, Culture and Society*, 4(4), 2–5.